



Modul Pemacu

Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 4

-Dilema Moral-



Oleh
Unit Sains Sosial Sektor Pembelajaran
PPD Petaling Utama
&
Jurulatih Utama Pendidikan Moral
Daerah Petaling Utama

JAWATANKUASA MODUL PEMACU PENDIDIKAN MORAL KSSM TINGKATAN 4 (DILEMA MORAL)

- Penasihat : **Noorin binti Zakaria**
Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembelajaran
- Pengerusi : **Badieah binti Mustakin**
SISC+ Sains Sosial
- Timbalan Pengerusi : **Rosliza binti Basar**
SISC+ Sains Sosial
- Setiausaha : **Tan Siew Ing**
Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMK Damansara Utama
- Pen. Setiausaha : **Karbagam a/p Krishnan**
Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMK Sri Permata

AHLI JAWATANKUASA

Siti Nor Fariza binti Mohamad Zaki

Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMJK Katholik

Hariz bin Abdul Razak

Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMK Taman SEA

Nur Suhaina binti Remly

Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMK Damansara Jaya

Ina Foo Lee Min

Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMK Seksyen 4 Kota Damansara

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

PANEL PENGGUBAL

UNIT	NAMA SEKOLAH
1	SMK BANDAR SRI DAMANSARA 2
2	SMK SEKSYEN 10 KOTA DAMANSARA
3	SMK (P) TAMAN PETALING
4	SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 3
5	SMK LEMBAH SUBANG
6	SMK DAMANSARA DAMAI
7	SMK SRI UTAMA
8	SMK DAMANSARA UTAMA
9	SMK TAMAN MEDAN
10	SMJK KATHOLIK
11	SMK ASSUNTA
12	SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 4

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Unit 1 : Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan	5-9
2	Unit 2 : Peribadi Mulia Hiasan Diri	10-14
3	Unit 3 : Prinsip Keadilan dan Keprihatinan dalam Membuat Keputusan	15-17
4	Unit 4 : Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika	18-20
5	Unit 5 : Mantap Integriti Mantaplah Jati Diri	21-24
6	Unit 6 : Keluarga Berintegiti Keluarga Disegani	25-29
7	Unit 7 : Berperikemanusiaan Membentuk Masyarakat Sejahtera	30-34
8	Unit 8 : Hak dan Tanggungjawab Warganegara	35-40
9	Unit 9 : Perpaduan Masyarakat Asas Kemakmuran Negara	41-43
10	Unit 10 : Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika	44-47
11	Unit 11 : Keunikan Rakyat Malaysia	48-50
12	Unit 12 : Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama	51-54



BIDANG 5 (INSAN BERMORAL)

-UNIT 1- (NORMA MASYARAKAT PEMANGKIN KESEJAHTERAAN)

Disampaikan oleh:

SMK BANDAR SRI DAMANSARA 2

SOALAN ESEI PENDEK

Anda telah dinasihati oleh rakan agar tidak menghadiri sebuah konsert artis luar negara. Menurut rakan anda, konsert tersebut terdedah kepada budaya hedonisme. Anda menjadi serba salah kerana anda telah membeli tiket konsert tersebut dengan harga yang mahal. Apakah tindakan dan pilihan anda? Berikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang telah anda pelajari. (10 markah)

-Buku Teks m/s 12-

Tindakan dan Nilai-Nilai
Tindakan :
Tidak akan menghadiri konsert
Nilai :
Rasional
Bertanggungjawab
Hemah Tinggi
Harga Diri
Kesederhanaan
(Maksimum nilai : 3 markah)



1. Saya akan memilih untuk tidak menghadiri konsert tersebut. Hal ini disebabkan kerana, saya sebagai seorang insan yang cerdik dan bermoral saya haruslah berkelakuan wajar untuk mengetahui perkara-perkara yang perlu saya patuhi dan dielakkan.
2. Budaya hedonisme akan memudarkan nilai-nilai keagamaan dalam diri saya sendiri. Saya juga akan mudah terlupa matlamat hidup yang sebenar jika saya terlibat dalam konsert itu.
3. Konsert itu akan menjadikan saya seorang yang agresif dan tidak taat kepada ibubapa.
4. Budaya hedonisme akan menyebabkan pelbagai isu sosial lain seperti perpecahan, penentangan terhadap norma hidup positif dan boleh merosakkan fahaman seseorang dan akhirnya akan mengagalkan usaha membina diri yang sempurna, dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi.
5. Statistik jenayah sosial dalam kalangan remaja dan belia akan meningkat sekiranya budaya hedonisme semakin menular dan secara tidak langsung akan menyebabkan generasi muda seperti saya pada masa kini lupa akan matlamat hidup yang sebenar.
6. Saya memilih untuk tidak menghadiri konsert tersebut kerana budaya hedonisme boleh menyebabkan individu lupa, sesat dan hilang hala tuju hidup dan akan menyebabkan individu semakin malas.
7. Budaya hedonisme akan menjadikan golongan remaja dan belia seperti saya semakin jauh daripada nilai-nilai keagamaan.
8. Amalan budaya hedonisme akan menyebabkan generasi muda seperti saya mudah terjerumus dalam pengagihan dan penggunaan dadah
9. Perlakuan ini tidak menghormati agama serta leka daripada tanggungjawab kepada Tuhan.
10. Hedonisme merupakan salah satu budaya yang negatif dan saya berkemungkinan akan terjebak dalam gejala sosial.

Soalan Struktur

1. Maklumat berikut berkaitan dengan budaya hedonisme.

Budaya hedonisme merupakan pegangan atau pandangan hidup yang mengutamakan keseronokan atau kesenangan hidup. Hedonisme juga merupakan pola pemikiran yang menjadikan hiburan sebagai langkah individu membebaskan diri daripada masalah dan tekanan. Contoh budaya hedonisme ialah pergaulan bebas, penyalahgunaan dadah dan berpeleseran sehingga larut malam.

- a. Nyatakan **dua** contoh perbuatan hedonisme yang lain? (2 markah)

- i)
- ii)

- b. Terangkan **dua** punca generasi muda lebih muda terpengaruh dengan budaya hedonisme. (2 markah)

- i)
- ii)

- c. Terangkan **dua** kesan jika budaya hedonisme dalam kalangan generasi muda tidak diatasi? (4 markah)

- i)
- ii)

- d. Berikan **dua** cara mengelakkan diri daripada budaya hedonisme, (2 markah)

- i)
- ii)



1.

- a. i) Berhibur di kelab malam
ii) Minum arak tanpa kawalan

- b. i) Kurang didikan agama dan moral
ii) Pengaruh media massa dan media sosial
iii) Perasaan ingin mencuba

- c. i) Peningkatan kes jenayah dalam kalangan generasi muda. Remaja tidak berfikiran waras apabila mabuk kerana minum arak
ii) Generasi muda lupa akan matlamat hidup yang sebenar. Remaja bersuka ria tanpa memikirkan masa depan

- d. i) Bijak memilih rakan
ii) Melakukan aktiviti yang berfaedah
(*fokus juga kepada soalan maksud Hedonisme)



BIDANG 5 (INSAN BERMORAL)

-UNIT 2- (PERIBADI MULIA HIASAN DIRI)

Disampaikan oleh:

SMK SEKSYEN 10 KOTA DAMANSARA



Mira merupakan seorang murid yang sangat menyayangi binatang. Mira sentiasa meluangkan masa untuk memberikan makanan kepada kucing jalanan yang kelaparan.

- a) Berdasarkan sikap yang dilakukan oleh Mira, nyatakan dua ciri berkeperibadian mulia yang telah di amalkan oleh Mira. (*Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 muka surat 18*)

- i) _____
ii) _____

(2 markah)

b) Apakah yang anda faham mengenai keperibadian mulia? (*Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 muka surat 18*)

(2 markah)

c) Jika anda ialah Mira, ramalkan perasaan anda sekiranya anda dapat membantu haiwan yang kelaparan. Berikan alasan anda terhadap perasaan tersebut.

(Soalan KBAT: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 muka surat 26*)

(3 markah)

d) Selain daripada memberikan haiwan makanan, apakah contoh lain amalan keperibadian mulia yang boleh dilakukan oleh seorang murid? (*Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 muka surat 21*)


i) _____

ii) _____

iii) _____

(3markah)

SOAL AN	JAWAPAN	MARKAH
1a	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ikhlas dan jujur dalam tindakan ▪ Sabar dan tenang ketika menghadapi kesukaran dalam kehidupan ▪ Berpegang teguh pada nilai moral ▪ Bersikap sederhana dalam pemikiran, pertuturan dan perlakuan ▪ Melakukan sesuatu kebaikan tanpa mengharapkan balasan. ▪ Berusaha bersungguh-sungguh untuk melakukan kebaikan 	1 1 1 1 1 1 1 1 (maksimum 2markah)
1b	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sifat baik dan terpuji yang dimiliki oleh individu. ▪ Keperibadian mulia ini dapat dibentuk melalui latihan serta amalan kesederhanaan dalam kehidupan harian sehingga menjadi tabiat atau kebiasaan 	1 1
1c	<p>Perasaan: Gembira/ Bersyukur/ Bahagia</p>	1 (maksimum 1markah)

SOAL AN	JAWAPAN	MARKAH
1c	<p>Alasan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerana saya dapat menyelamatkan binatang daripada mati kelaparan ▪ Kerana saya dapat menghabiskan masa dengan aktiviti berfaedah dengan membantu haiwan yang memerlukan bantuan. ▪ Kerana saya dapat mempraktikan sikap berperikebadian mulia walaupun dengan haiwan <p><i>(Mana-mana huraian yang munasabah diterima)</i></p>	 <p>1 1 1 (maksimum 2markah)</p>
1d	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sentiasa bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatau masalah yang wujud dalam keluarga. ▪ Sentiasa amanah dalam melakukan tugas kerja sekolah yang diberikan oleh guru. ▪ Sentiasa bersyukur dengan kehidupan yang dilalui. ▪ Sentiasa berjimat cermat dalam perbelanjaan harian di sekolah <p><i>(Mana-mana huraian yang munasabah diterima)</i></p>	<p>1 1 1 1 (maksimum 3markah)</p>



BIDANG 5 (INSAN BERMORAL)

-UNIT 3-

**(PRINSIP KEADILAN DAN
KEPRIHATINAN DALAM
MEMBUAT KEPUTUSAN)**

Disampaikan oleh:
SMK (P) TAMAN PETALING

1. Maklumat berikut berkaitan tentang dilema moral yang memerlukan pertimbangan wajar berdasarkan prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan.

“Charles merupakan atlet yang sering mewakili sekolah ke peringkat negeri dan kebangsaan. Minatnya terhadap bidang sukan amat mendalam. Namun begitu, Charles mempunyai masalah disiplin, terutamanya berkaitan dengan kehadiran hingga dihukum gantung persekolahan. Semasa temasya sukan antara sekolah peringkat negeri sedang berlangsung, Charles membuat rayuan kepada pihak sekolah dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya. Dia memohon agar diberikan kebenaran untuk mengambil bahagian dalam acara larian.” Bagaimanakah pihak sekolah dapat membuat keputusan terhadap rayuan Charles itu?

(Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4; Muka surat 35)

CADANGAN JAWAPAN

a) Pada pendapat anda, apakah tindakan yang perlu anda lakukan sebagai pihak sekolah dalam membuat keputusan terhadap Charles?

[2 markah]

Membenarkan Charles mewakili sekolah dalam bidang sukan. Memantau pergerakan Charles agar tidak melakukan kesalahan disiplin semasa mewakili sekolah

ATAU

Terus menggantung persekolahan Charles. Pihak sekolah perlu tegas menjalankan hukuman kepada pelajar seperti Charles supaya perbuatan disiplin tidak akan berulang lagi.

b) Terangkan dua nilai universal yang perlu diamalkan oleh Charles. [4 markah]

i. Nilai harga diri. Charles perlu menjaga imej diri supaya mengelakkan diri daripada terlibat dengan masalah disiplin di sekolah.

ii. Nilai rasional. Charles perlu berfikir kesan buruk sekiranya melakukan perbuatan yang melanggar disiplin sekolah.

c) Bagaimanakah pihak sekolah dapat membuat keputusan terhadap rayuan Charles berdasarkan prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan? [4 markah]

i. Prinsip keadilan

● Setiap murid perlu mematuhi peraturan sekolah. Kedua, boleh menjadi pengajaran kepada murid bermasalah.

ii. Prinsip keprihatinan

● Memberikan kebenaran secara bersyarat kepada Charles. Kedua, Charles telah berjanji untuk mengubah sikapnya.



BIDANG 5 (INSAN BERMORAL)

-UNIT 4-

(PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA)

Disampaikan oleh:

SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 3

Soalan unit 4

Gopi telah dituduh menyebarluaskan gambar pornografi melalui laman sosial. Akibatnya, Gopi dimarahi oleh rakan-rakannya kerana mereka menerima gambar tersebut melalui akaun laman sosial masing-masing. Gopi berasa terkejut kerana dia tidak pernah melakukan perbuatan tersebut. Perbuatan itu berlaku di luar pengetahuannya.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

- a) Jelaskan perasaan anda sekiranya berada dalam situasi Gopi. (2 markah)
- b) Huraikan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang patut remaja amalkan. (3 markah)
- c) Ramalkan kesan pengabaian penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika. (3 markah)
- d) Nyatakan contoh etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang patut anda amalkan. (2 markah)

SOAL AN	JAWAPAN	MARKAH
a	<p>Saya akan berasa kecewa/ sedih/marah. (Perasaan)</p> <p>Ini kerana dituduh menyebarkan gambar pornografi yang boleh menjelaskan maruah diri.</p> <p>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>Max 2 markah</p>
b	<p>i. Tidak menyebarkan sebarang maklumat palsu atau diragui kesahihannya yang boleh menggugat ketenteraman awam.</p> <p>ii. Remaja perlu berintegriti dalam menyampaikan maklumat yang sahih dan tepat untuk mengelakkan perselisihan faham.</p> <p>iii. Remaja seharusnya tidak memuat naik sebarang bahan dalam pelbagai bentuk tanpa keizinan pemilik yang sah supaya hasil kerja pemilik terpelihara.</p> <p>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>Max 3 markah</p>
c	<p>i. mengakibatkan ketidakstesenya maklumat yang boleh mengelirukan orang lain serta menimbulkan masalah.</p> <p>ii. memberi acaman keselamatan diri sehingga menimbulkan kerisauan kepada masyarakat yang boleh menjelaskan keharmonian negara</p> <p>iii. Terdedah kepada bahan negatif yang mendorong kepada perlakuan yang tidak diingini seperti bunuh diri.</p> <p>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>Max 3 markah</p>
d	<p>i. Saya tidak memuat turun atau memuat naik bahan yang berunsur negatif yang boleh menjelaskan masa depan dan reputasi seseorang.</p> <p>ii. Menggunakan emel dengan bijak dan berhati-hati supaya tidak menimbulkan perselisihan faham demi kesejahteraan sejagat</p> <p>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>Max 2 markah</p>



BIDANG 6 (JATI DIRI MORAL)

-UNIT 5-

(MANTAP INTEGRITI MANTAPLAH JATI DIRI)

Disampaikan oleh:
SMK LEMBAH SUBANG

1. Maklumat berikut berkaitan isu rasuah dalam kalangan penjawat awam.



- a) Huraikan **dua** nilai universal yang harus diamalkan oleh setiap penjawat awam dalam menangani gejala rasuah.
(4 markah)
- b) Ramalkan **dua** kesan amalan rasuah kepada pembangunan negara.
(2 markah)
- c) Terangkan **dua** langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menangani gejala rasuah dalam kalangan penjawat awam.
(4 markah)

JAWAPAN

- a) Huraikan **dua** nilai universal yang harus diamalkan oleh setiap penjawat awam dalam menangani gejala rasuah.

(4 markah)

- i) Nilai Rasional. Setiap penjawat awam mestilah berganding bahu membanteras gejala rasuah ini agar imej negra sentiasa bersih.
- ii) Nilai Bertanggungjawab. Setiap penjawat awam mestilah menjalankan tugas dengan berintegriti untuk menghasilkan tugas yang sempurna.
- iii) Nilai kejujuran. Setiap penjawat awam mestilah bersikap jujur dan ikhlas dalam melaksanakan sesuatu tugas tanpa terlibat dalam gejala rasuah.

- b) Ramalkan **dua** kesan amalan rasuah kepada pembangunan negara.

(2 markah)

- i) Imej negara akan terjejas
- ii) Berlaku pergolakan politik.
- iii) Menjejaskan perkembangan pertumbuhan ekonomi.
- iv) Pelabur akan hilang kepercayaan terhadap pentadbiran negara.

(mana-mana jawapan lain yang munasabah)

- c) Terangkan **dua** langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menangani gejala rasuah dalam kalangan penjawat awam.
- (4 markah)
- i) Menguatkuatkuasakan undang-undang rasuah dan hukuman . Hukuman yang berat perlu dijatuhi kepada pesalah rasuah agar mereka serik untuk melakukan gejala rasuah di kemudian hari.
 - ii) Kempen Kesedaran Anti Rasuah harus dijalankan oleh kerajaan dari masa ke masa bagi mewujudkan perasaan amalan membenci rasuah dalam kalangan penjawat awam.
 - iii) Penekanan terhadap nilai murni dan pemantapan kerohanian melalui “Ceramah Kesedaran Benci Rasuah” dalam kalangan penjawat awam.
 - iv) Kerajaan perlu menjalankan pemantauan berkala terhadap penjawat awam untuk mencegah amalan rasuah dari peringkat awal.

(mana-mana jawapan lain yang munasabah)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama



BIDANG 6 (JATI DIRI MORAL)

-UNIT 6-

(KELUARGA BERINTEGRITI KELUARGA DISEGANI)

Disampaikan oleh:
SMK DAMANSARA DAMAI 1

Soalan Bahagian A

Keratan akhbar di bawah menunjukkan betapa kejamnya tindakan dan sikap tidak berintegriti anak-anak terhadap ibu bapa mereka. Kes-kes seumpama ini bukanlah sesuatu yang asing didengari. Perbuatan anak-anak seolah-olah diibaratkan seperti "kacang lupakan kulit". Realitinya anak-anak jelas tidak menghargai pengorbanan yang dilakukan oleh ibu bapa mereka selama ini



- a. Apakah perasaan anda apabila membaca keratan akhbar di atas? Sejauh manakah **prinsip keprihatinan** dapat dihayati dan diamalkan oleh sesebuah keluarga? [3M]

- b. Desakan hidup boleh menyebabkan integriti keluarga tergadai. Adakah anda setuju dengan pernyataan ini? Justifikasikan jawapan anda berdasarkan **nilai universal** yang dipelajari.

[4M]

- c. Bagaimanakah cara terbaik anda menguruskan **penaakulan moral** bagi memastikan perasaan kasih sayang terhadap anggota keluarga sentiasa berkekalan. [3M]

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
a	<p>Saya berasa sedih.</p> <p>Prinsip keprihatinan ialah perlakuan yang memberi pertimbangan moral dalam membuat keputusan bagi sesuatu situasi berperikemanusiaan. Sebagai contoh ahli keluarga seharusnya memupuk rasa tanggungjawab, perasaan kasih sayang dan sokongan serta ikatan kekeluargaan yang kuat terhadap waga tua</p>	1 markah 1 markah 1 markah
b	<p>Setuju</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Nilai kasih sayang ii. Perasaan kasih sayang dalam keluarga dapat dipupuk dengan menjaga hubungan baik dalam keluarga seperti mengambil tahu tentang anggota keluarga atau ibu bapa yang sakit dan tidak berupaya dari segi emosi dan fizikal iii. Nilai hormat iv. Anak-anak perlulah menyayangi, menghormati dan menjaga ibu bapa dengan menjaga kebijakan dan keperluan mereka v. Nilai toleransi vi. Anak-anak perlu bertolak ansur dan sabar dengan ibu bapa yang sudah tua serta menangani permasalahan keluarga dengan jujur dan adil. 	1 markah 1 markah 1 markah 1 markah 1 markah 1 markah 1 markah 1 markah 1 markah 1 markah

c	<p>Saya harus berfikiran matang dan membuat pertimbangan yang wajar.</p> <p>Sebagai contoh saya perlu membala jasa dan pengorbanan yang di buat oleh ibu bapa dalam mendidik saya</p> <p>Saya perlu menilai sesuatu untuk menentukan apa yang betul dan apa yang salah</p> <p>Jika ahli keluarga yang bergaduh saya akan memberikan teguran dan nasihat</p> <p>Saya perlu membuat keputusan dengan adil berasaskan fakta tanpa dipengaruhi oleh emosi dan persekitaran</p>	<p>1 markah</p> <p>1 markah</p> <p>1 markah</p> <p>1 markah</p> <p>1 markah</p>
---	--	---



BIDANG 6 (JATI DIRI MORAL)

-UNIT 7-

(BERPERIKEMANUSIAAN MEMBENTUK MASYARAKAT SEJAHTERA)

Disampaikan oleh:
SMK SRI UTAMA

DILEMA MORAL

Pada suatu malam, Valent terdengar tangisan dan jeritan seorang kanak-kanak berhampiran dengan rumahnya. Pada masa yang sama, dia juga terdengar suara seorang lelaki dewasa sedang menjerit-jerit dan memarahi kanak-kanak itu. Selang beberapa minit kemudian, jeritan dan tangisan kanak-kanak itu sudah tidak kedengaran. Valent berasa serba salah sama ada hendak pergi menyiasat atau membiarkannya sahaja. Bincangkan dilema ini berdasarkan dimensi moral.

1. Situasi di atas menggambarkan keadaan di sebuah kawasan kejiranan.

- (a) Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang sewajarnya dilakukan Valent? (2 Markah)
- (i) Menyiasat apakah sebenarnya yang berlaku dan melaporkan kepada pihak berkuasa
- (ii) Meminta pertolongan daripada masyarakat setempat
- (iii) Memaklumkan kepada ibu bapa

(b) Anda dan rakan anda menyaksikan satu kejadian penderaan terhadap kanak-kanak.

Apakah tindakan anda dan rakan anda bagi menghalang penderaan tersebut berlaku? (4 markah)

- (i) Tindakan yang saya dan rakan saya akan lakukan ialah melaporkan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan undang-undang.
- (ii) Kami akan memberi amaran kepada si pendera supaya menghentikan penderaan dan menjelaskan kesan-kesan sekiranya melakukan penderaan.
- (iii) Kami akan meminta bantuan daripada ibu bapa atau orang dewasa yang berada berhampiran untuk menghentikan penderaan terhadap kanak-kanak

C . Senaraikan nilai-nilai universal yang diamalkan oleh anda dan rakan-rakan anda


- (i). Nilai Baik hati, nilai kasih sayang
- (ii). Nilai Rasional, nilai bertanggungjawab

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

(d) Ramalkan dua kesan yang akan dihadapi jika isu penderaan kanak-kanak ini tidak dibendung. (2 Markah)

- (i) Hilangnya maruah diri dan harga diri kepada mangsa dera.
- (ii) Tekanan jiwa dan emosi kepada mangsa.



BIDANG 7 (MORAL DAN KENEGARAAN)

-UNIT 8-

(HAK DAN TANGGUNGJAWAB WARGANEGERA)

Disampaikan oleh:
SMK DAMANSARA UTAMA

BAHAGIAN A : SOALAN STRUKTUR

1. Pernyataan di bawah adalah berkaitan dengan dilema yang dihadapi.

Anda menyertai pertandingan kawad kaki unit beruniform peringkat sekolah. Semua peserta berdiri tegak semasa menyanyikan lagu *Negaraku*. Tiba-tiba, salah seorang rakan pasukan anda telah jatuh pengsan. Anda berada dalam dilema sama ada terus berdiri tegak untuk menghormati lagu kebangsaan atau membantu rakan anda itu.

(BUKU TEKS MUKA SURAT 117)

(a) Apakah tindakan yang patut anda ambil apabila berada dalam situasi tersebut? Berikan justifikasi terhadap tindakan anda itu. (3 markah)

Jawapan	Markah
Tindakan - Memberi bantuan kepada rakan yang jatuh pengsan	1
F1 - Bantuan perlu diberikan dalam kadar segera	1
H1 - Ini bagi memastikan tindakan susulan dapat diambil secepat mungkin seperti menghubungi ambulans dan sebagainya	1 1
F2 - Berada dalam situasi yang mendesak	1
H2 - Elakkan sesuatu yang lebih buruk berlaku	1
<i>Atau mana-mana jawapan yang munasabah</i>	<i>Max 3 markah</i>

(b) Lagu *Negaraku* merupakan simbol semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Jelaskan kepentingan lain lagu *Negaraku*. (2 markah)

Jawapan	Markah
F1 - memupuk perpaduan dan keharmonian	1
H1- menuntut supaya semua rakyat Malaysia hidup bersatu padu dan saling bekerjasama antara satu sama lain	1
F2 - Meningkatkan semangat cintakan tanah air	1
H2- Meningkatkan usaha untuk memajukan diri sendiri demi kepentingan negara	Max 2 markah

(c) Terangkan satu nilai universal yang patut diamalkan oleh masyarakat untuk menjadi warganegara yang disegani.
(2 markah)

Jawapan	Markah
N1 Nilai bertanggungjawab <ul style="list-style-type: none">- Masyarakat perlu menaikkan nama negara di mata dunia dengan menyertai pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa mengikut minat dan kepakaran yang dimiliki.	1 1 1
N2 Nilai patriotisme <ul style="list-style-type: none">- Masyarakat perlu mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan pada setiap masa demi mewujudkan semangat kecintaan yang tinggi pada negara	1
	<i>Max 2 markah</i>

(d) Nyatakan etika yang perlu dipatuhi sewaktu menyanyikan lagu Negaraku. (3 markah)

Jawapan	Markah
F1 Berdiri tegak	1
F2 Kedua-dua belah kaki dirapatkan	1
F3 Kedua-dua belah tangan diletakkan disisi dan diluruskan ke bawah	1
F4 Menyebut seni kata lagu dengan betul	1
F5 Tidak bermain-main semasa menyanyi	1
<i>Max 3 markah</i>	



BIDANG 7 (MORAL DAN KENEGARAAN)

-UNIT 9-

(PERPADUAN MASYARAKAT ASAS KEMAKMURAN NEGARA)

Disampaikan oleh:
SMK TAMAN MEDAN

**SOALAN STRUKTUR UNIT 9
DILEMA MORAL
BUKU TEKS PENDIDIKAN MORAL
TINGKATAN 4- M/S: 130**

Anda sangat berminat dengan pasukan luar negara yang sedang bertanding dengan pasukan negara dalam suatu acara pertandingan antarabangsa.

**Pasukan manakah yang anda sokong?
Berikan justifikasi berdasarkan kewajaran tindakan moral anda.**

Disediakan Oleh:

NAVEENAN NALATHAMBY

KETUA PANITIA PENDIDIKAN MORAL

SMK TAMAN MEDAN

SOALAN

A) Pasukan manakah yang anda akan sokong? Berikan justifikasi anda. (2m)

Jawapan: Saya akan menyokong pasukan negara. Ini kerana saya sebagai rakyat Malaysia perlu mempunyai sikap kekitaan .

B) Terangkan dua nilai universal yang harus diamalkan oleh para penyokong tempatan dalam sesuatu perlawanan sukan negara yang melibatkan pertandingan antarabangsa. (4m)

Jawapan: Nilai patriotisme. Sebagai penyokong tempatan hendaklah memilih serta memberi semangat kepada pasukan negara berbanding dengan pasukan luar negara. Nilai kasih sayang. Para penyokong tempatan hendaklah menunjukkan perasaan cinta yang ikhlas terhadap pasukan negara agar berjaya dalam pertandingan tersebut.

C) Jelaskan perasaan anda apabila melihat pelbagai kaum memberikan sokongan kepada pasukan negara. (4m)

Jawapan: Gembira/Bangga/Terharu

Saya berasa gembira,bangga dan terharu kerana rakyat yang berbilang kaum bersatu padu menyokong pasukan negara.Selain itu, kita dapat menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia memelihara perhubungan kaum ke arah perpaduan negara dan seterusnya ini dapat meningkatkan keyakinan pelabur asing.



BIDANG 7 (MORAL DAN KENEGARAAN)

-UNIT 10-

(PENGURUSAN PERBELANJAAN SECARA BERETIKA)

Disampaikan oleh:
SMJK KATHOLIK

Awas perangkap kad kredit

Penggunaan tanpa kawalan boleh menjerumus pemilik ke kancang hutang, muflis

WIKING AND

Elash Arslan Arslan
elasharlan@yandex.ru

HITANG tadi kredit
mudah dibawa
keperluan yang
agak kecil, misalnya
membeli barang
yang sedang laris, jadi
penggunaan kredit ini
akan sangat baik dan
berhasil.

Die zweiten zwei Jahre
befolgen ähnliche Kurswege
wie oben. Ausgeweitete
plus und leicht nach
durchsetzende Bindung.

Ini adalah perkembangan yang sangat dinamis dan berorientasi pada pengembangan teknologi informasi dan media sosial. Dengan hadirnya teknologi informasi dan media sosial, kita dapat berinteraksi dengan orang lain dengan mudah dan cepat.

PENGURUAN bad kredit hasil dikenakan pada pembeli

Perintah, atau perintah berantikan memahami bagaimana bad kredit ini berfungsi. Sebaliknya, pengertian bad kredit tidak dapat diperoleh tanpa kredit dengan bad kredit dan kredibilitas yang baik bagi layanan bad kredit.

Sebagian besar bad kredit merupakan sebagian besar sebagian besar perintah yang sama meskipun bad kredit berperan penting.

Perintah bahwa para

Apela: Ibu mempunyai seorang bahan kapal yang sangat berharga, tetapi belum pernah mendapat.

Perkembangan ini membuat kebutuhan dengan cara yang tidak langsung.
Dalam proses pengajuan tilang, strategi yang harus dipahami adalah bahwa setiap tilang berlantai dan dilengkapi dengan logo sehingga memudahkan pengajuan ketika tilang.

Selain itu, teknologi ini juga dapat mendukung operasi perusahaan dengan baik.



MUFLIS
kerana hutang kad kredit

Dewata ini, penggunaan kad kredit di kalangan pelajar muda kini

bagaikan istu kremstian bagi menunjukkan status dan gaya hidup moden tanpa menyadari mereka bakal menjadi 'herbie' lutang seumur hidup.

Tahukah anda, jumlah penduduk
negara kita yang belum mendapat
pembiayaan kredit sebesar 23,73 juta
yang masih perlu diberikan dan saat ini
jumlahnya mencapai 24,12 juta.
Untuk mengatasi permasalahan ini, Tengku
dapatkan pengetahuan (PKH) di sebuah
program latih bersama PKUJ.

Dalam 14 pengujian hasil budi daya tanaman gingseng tidak berpasir setiap kali pengujian hasil budi daya tanaman gingseng berpasir manfaatnya tidak berbeda dengan hasil budi daya tanaman gingseng tanpa pasir. Sistem budi daya tanaman gingseng tanpa pasir yang dikenakan pada pengujian hasil budi daya tanaman gingseng berpasir dan tanpa pasir memiliki hasil budi daya tanaman gingseng yang sama. Untuk sistem budi daya tanaman gingseng tanpa pasir yang dikenakan pada pengujian hasil budi daya tanaman gingseng berpasir dan tanpa pasir memiliki hasil budi daya tanaman gingseng yang sama. Untuk sistem budi daya tanaman gingseng tanpa pasir yang dikenakan pada pengujian hasil budi daya tanaman gingseng berpasir dan tanpa pasir memiliki hasil budi daya tanaman gingseng yang sama.

MYAYSIA

13,3 persen. Persepsi pada kasi hukum kredit pun meningkat sebesar 50,5 persen. Sementara menyebut penyalahgunaan hak hukum yang melandai di angka 10,6 persen dan hak hukum menyalahgunakan hak hukum yang berlebihan sebesar 10,6 persen. Diketahui bahwa menggugat hak hukum serti atau hak hukum berlaku hukum kewajiban/kewajiban hak amanah dengan menggugatkan wajib

Bahan pengawal dalam thyroid pada sistem terhadap kognisi dan mengalihrukan polian empatik kepada diskonfirmasi berjumlah 8,3 minit dan 2,5 minit.

1. Mengungkapkan
kebutuhan
makanan dan
minuman dengan
benar.

2. Mengungkapkan
kebutuhan
makanan dan
minuman dengan
benar.

3. Mengungkapkan
kebutuhan
makanan dan
minuman dengan
benar.

4. Negara Indonesia
adalah negara
demokratis yang
memerlukan
keteguhan.
Keteguhan
negara pada
akhirnya akan
menyebabkan
negara kuat.

Untuk mengatasi adanya ketidaksesuaian antara hasil pengembangan dan hasil yang diharapkan, maka diperlukan tindakan koreksi. Tindakan koreksi ini dilakukan dengan memperbaiki faktor-faktor yang berpengaruh terhadap hasil pengembangan.

Untuk maklumat lanjut tentang kerajaan dan perkhidmatan kerajaan di seluruh Malaysia, sila hubungi Pejabat Perkhidmatan Kerajaan Negeri atau Pejabat Perkhidmatan Kerajaan Wilayah di bandar yang berkenaan.

Universiti Pertama Malaysia
Kuala Lumpur (UPM) Pekanbaru,
Riau Indonesia 28131

(buku teks ting 4 m/s 148)

(a) Berdasarkan situasi di atas, adakah anda bersetuju penggunaan kad kredit harus dihadkan? Berikan alasan anda.

(3 markah)

(b) Ramalkan dua kesan menggunakan kad kredit secara berlebihan.

- i) _____
- ii) _____

(2 markah)

(c) Nyatakan dua ciri pengguna kad kredit yang bijak.

- i) _____
- ii) _____

(2 markah)

(d) Nyatakan dua nilai yang harus diamalkan oleh pengguna kad kredit

- i) _____
- ii) _____

(2 markah)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

(e) Nyatakan satu cara anda membuat perancangan sebelum berbelanja.

(1 markah)

Jawapan:

a. Pendirian : Setuju.

Alasan :

- i. Mengelakkan penggunaan kad kredit yang melebihi had.
- ii. Dapat mengurangkan kes muflis dalam kalangan masyarakat.

b. – Terpaksa menanggung beban hutang yang tinggi.

– Terpaksa membuat pinjaman daripada syarikat pinjaman wang haram untuk menjelaskan hutang bank.

c. – Menggunakan kad kredit sekiranya perlu sahaja.

– Menyelesaikan hutang kad kredit dengan segera

– Menghadkan bilangan kad kredit yang ada.

– Menggunakan hanya semasa situasi kecemasan

d. - Nilai kesederhanaan

- Nilai rasional
- Nilai kejujuran

- Nilai bertanggungjawab

- Nilai berdikari

e. - Menentukan kedudukan kewangan yang dimiliki.

- Merancang perbelanjaan mengikut kemampuan
- Menyediakan senarai barang yang hendak dibeli sebelum keluar berbelanja.

- Mengenal pasti dan membuat anggaran perbelanjaan.

- Membuat peruntukan bagi setiap perbelanjaan.



BIDANG 7 (MORAL DAN KENEGARAAN)

-UNIT 11- (KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA)

Disampaikan oleh:
SMK ASSUNTA

1. Gambar berikut menunjukkan sambutan perayaan yang terdapat di Malaysia.



- (a) Berikan tiga contoh keunikan rakyat Malaysia. (3 markah)
- (b) Apakah kepentingan keunikan rakyat Malaysia. (2 markah)
- (c) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah cara anda untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. (2 markah)
- (d) Apakah perasaan anda apabila dapat menerima kepelbagai agama, bangsa dan bahasa dalam kehidupan seharian anda. Jelaskan. (3 markah)

SKEMA SOALAN TINGKATAN 4 UNIT 11

BAHAGIAN A

(a) Rujuk m/s 152

- i. Memakai pakaian tradisional dalam kehidupan sehari-hari seperti Sari, baju kurung dan Cheongsam. (1m)
- ii. Terdapat pelbagai makanan tradisional di dalam pelbagai kaum seperti capati, nasi lemak, dim sum dan tosai. (1m)
- iii. Pelbagai jenis perayaan yang akan disambut setiap tahun antaranya Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Kurban, Tahun Baru Cina dan Deepavali. (1m)
- iv. Dapat berinteraksi atau berkomunikasi dengan menggunakan pelbagai Bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. (1m)

(b) Rujuk m/s 153

- i. Menjadi kebanggaan negara. (1m)
- ii. Mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia. (1m)
- iii. Mengukuhkan kestabilan politik dan ekonomi negara. (1m)

(c) Rujuk m/s 155

- i. Menerima dan menghormati keunikan semua kaum. (1m)
- ii. Tidak memandang rendah terhadap adab dan kepercayaan kaum lain. (1m)
- iii. Mengamalkan adat dan budaya dalam kehidupan sehari-hari. (1m)

(d) Rujuk m/s 155

- i. Berasa gembira/bangga/bersyukur (1m) Dapat memahami dan mempelajari keunikan pelbagai adat resam dan budaya kaum lain. (1m) Perpaduan kaum dapat ditingkatkan. (1m) Dapat mengenali dan menerima keunikan kaum-kaum lain. (1m)



BIDANG 7 (MORAL DAN KENEGARAAN)

-UNIT 12-

(KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA)

Disampaikan oleh:

SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 4

1. Malaysia merupakan sebuah negara berdaulat yang bebas mengadakan hubungan diplomatik dengan negara lain mengikut perlembagaan. (m/s 168)

a) Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan **dua** ciri negara berdaulat. (2m)

(m/s 168, 169)

- i. Merdeka
- ii. Bebas daripada pengaruh luar

b) Rakyat Malaysia diseru untuk mempertahankan kedaulatan negara. Terangkan **dua** kepentingannya. (2m)

(m/s 170)

- i. meningkatkan semangat patriotik, rakyat perlu menunjukkan perasaan cinta dan setia kepada raja dan negara
- ii. maruah negara terpelihara apabila rakyat menghormati dan mempertahankan kedaulatan negara

c) Ramalkan **tiga** kesan jika rakyat mengabaikan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara (3m)

(m/s 171)

Kesan jika rakyat mengabaikan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara ialah perpaduan dan keharmonian rakyat akan terjejas. Tradisi dan norma masyarakat dalam negara juga semakin dilupakan. Campur tangan kuasa luar turut berlaku menyebabkan negara berada dalam keadaan tidak aman.

d) Sebagai warganegara Malaysia, apakah cabaran yang dihadapi untuk mengekalkan kedaulatan negara? (3m)

(m/s 171)

Cabarannya yang dihadapi untuk mengekalkan kedaulatan negara ialah taraf ekonomi dan sosial yang tidak seimbang dalam kalangan rakyat. Tindakan kuasa besar yang mencabar kedaulatan negara turut memberi cabaran dalam mengekalkan kedaulatan negara. Generasi muda yang kurang semangat patriotik terhadap negara juga merupakan cabaran yang dihadapi untuk mengekalkan kedaulatan negara.

Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

Sekian Terima Kasih

**SEMOGA SEMUA GURU PENDIDIKAN MORAL DAERAH PETALING UTAMA
DAPAT MEMANFAATKAN ILMU YANG DIPEROLEH UNTUK DIGUNAKAN
SEPENUHNYA DEMI KECEMERLANGAN SUBJEK PENDIDIKAN MORAL SPM**

**SEMOGA ANAK-ANAK MURID SPM TAHUN 2021 BERJAYA DENGAN
CEMERLANG**